

INSANIAH sasar IPT bertaraf dunia

Oleh AZAMIN AMIN

A LOR SETAR: Peningkatan kemasukan pelajar antarabangsa ke Kolej Universiti Insaniah (INSANIAH) adalah selaras dengan hasrat kerajaan negeri untuk menjadikan Kedah sebagai pusat ilmu berlandaskan Islam yang terkenal bukan sahaja di Malaysia bahkan juga di seluruh dunia.

Menteri Besar, Dato' Seri Azizan Razak berkata lebih membanggakan program di peringkat ijazah sarjana dan ijazah doktor falsafah dalam pelbagai bidang yang ditawarkan oleh INSANIAH telah mendapat sambutan daripada lebih 300 orang pelajar, dalam masa tidak sampai 2 tahun setelah ia diperkenalkan.

"Tahniah kepada pihak pentadbiran INSANIAH atas pertambahan bilangan kemasukan pelajar dan graduan pada tahun ini dan terima kasih kepada seluruh masyarakat dalam dan luar negeri Kedah yang memberikan sokongan padu dengan menghantar anak-anak mereka ke INSANIAH.

"Nasihat saya kepada para graduan yang akan menerima ijazah mereka pada hari ini, agar mereka dapat menjadi ejen perubahan dalam masyarakat ke arah kecemerlangan.

"Semoga para graduan tidak berhenti untuk menimba ilmu setakat ini sahaja, sebaliknya timbalah ilmu hingga ke liang lahat," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap sempena Majlis Konvokesyen INSANIAH kali yang ke-12 di Dewan Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah dekat sini, 19 Oktober baru-baru ini.

Berangkat ke majlis tersebut ialah Canselor INSANIAH, Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah bersama Sultanah Kedah.

Hadir sama Tunku Panglima Besar, Dato' Seri Tunku Intan Safinaz, Pro-Canselor, Dato' Dr Abdul Halim Ismail, Speaker Dewan Undangan Negeri (Dun), Dato' Dr Abdul Isa Ismail dan Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Wira Rasli Basir.

Turut hadir Rektor INSANIAH, Prof Dato' Dr Jamil Osman dan Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Senator dan para wakil rakyat.

Ustaz Azizan dalam ucapannya turut merasa bangga kerana Ijazah Sarjana Perbankan Islam di Insaniah dengan kerjasama Islamic Development Bank (IDB), sudah sedia untuk dilancarkan pada awal 2011 kepada masyarakat antarabangsa menerusi e-learning.

"Program ini bukan sahaja memperkenalkan INSANIAH sebagai sebuah IPT bertaraf dunia, bahkan akan memperkenalkan negeri Kedah sebagai pusat ilmu dunia yang berlandaskan Islam.

"Kita bukan sahaja mahu INSANIAH terkenal sebagai pusat ilmu dalam bidang pengajian Islam bahkan keseluruhan



Sultan dan Sultanah Kedah, Tunku Puteri Intan Shafinaz, Menteri Besar dan isteri, Pro-Canselor, Rektor, Lembaga Pengarah dan para pegawai kanan INSANIAH bergambar kenangan.

bidang yang dituntut oleh Islam sebagai fardu kifayah di bidang perubatan, kejuruteraan, perniagaan, teknologi maklumat dan lain-lain.

Beliau yakin akan melihat kecemerlangan tamadun Islam lahir kembali di negeri jelang padi ini.

Ustaz Azizan juga mengambil kesempatan menjelaskan status perkembangan projek pembangunan kampus tetap INSANIAH di Kuala Ketil yang kini telah mencapai 20 peratus pembinaannya.

Kampus dengan peruntukan lebih RM300 juta dari kerajaan negeri ini akan dilengkapi dengan kemudahan infrastruktur dan peralatan moden yang bertaraf dunia.

Dengan keluasan 832 ekar, kampus itu mampu menampung sehingga 20,000 pelajar.

Sebuah tasik buatan sepanjang 1.2 kilometer yang telah dibina dalam kawasan kampus itu adalah tasik terpanjang di antara tasik-tasik universiti di Malaysia. Tasik ini akan digunakan sebagai pusat sukan air inter-varsiti di peringkat nasional dan antarabangsa.

Kampus tetap itu, ujarinya dijangka siap sepenuhnya pada akhir 2012 dan beroperasi pada awal 2013.

Beliau kemudiannya menyambung ucapannya dalam bahasa Arab di hadapan sejumlah 617 graduan ijazah dan diploma beserta tetamu yang terdiri daripada ibu bapa pelajar.

Sehingga kini INSANIAH telah melahirkan lebih 3,000 graduan yang datangnya daripada 32 buah negara termasuk



Menyampaikan ijazah kepada seorang graduan.

Malaysia.

Majlis penyampaian ijazah disempurnakan oleh Tuanku Sultan Kedah dan disampaikan juga Menteri Besar sehingga sebelah petangnya.

Majlis Konvokesyen itu berlangsung selama tiga hari bermula 18 Oktober dan dimeriahkan lagi dengan pelbagai aktiviti termasuk jualan serta pameran yang mendapat perhatian para tetamu yang tidak putus-putus mengunjungi INSANIAH.



Baginda Sultan mendengar penuh minat perkembangan INSANIAH yang disampaikan Ustaz Azizan.



Sultan dan Sultanah bersama Ustaz Azizan di pentas konvokesyen.